

KEFAHAMAN OBJEKTIF**KEFAHAMAN OBJEKTIF (1)**

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Samat selalu bermain basikal dengan kawannya, Razak. Mereka akan bermain di sekitaran blok mereka. Di situ ada sebuah tanah lapang di mana ramai kawan mereka yang lain akan bermain basikal juga. Kawan-kawan mereka ini selalu beraksi dan lakukan pelbagai cara berbasikal kerana mereka hendak tunjuk pandai. Mereka tidak suka bergaduh. Mereka berbaik-baik dan tolong-menolong antara satu sama lain.

Pada petang hari Rabu lepas, Samat dan Razak telah bermain basikal bersama-sama kawan-kawan mereka itu di tanah lapang tersebut. Razak cuba tiru aksi seorang kawannya berdiri di atas basikal yang sedang bergerak. Nasib Samat tidak baik. Samat telah terjatuh daripada basikalnya. Tangan kiri Samat telah patah akibat terjatuh daripada basikalnya itu.

Seorang pemuda yang sedang berjoging di situ nampak kejadian itu. Dia telah menepon ambulans. Razak pula pergi ke rumah Samat untuk beritahu ibunya. Samat dihantar ke hospital oleh ambulans dan diteman oleh ibunya.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Razak suka berbasikal dengan _____.
(1) seorang diri
(2) kawan baiknya
(3) kawan-kawannya
(4) kawannya yang bernama Razak ()
2. Samat dan kawan-kawannya selalu bermain di _____.
(1) sebuah taman
(2) sebelah bloknya
(3) sebuah tanah lapang
(4) gelanggang yang lapang ()
3. Semasa bermain basikal, kawan-kawan Samat suka _____.
(1) berlumba
(2) bergaduh
(3) guna telefon
(4) tunjuk pandai ()
4. Tangan kiri Samat patah akibat _____.
(1) pandai bermain basikal
(2) terjatuh daripada basikalnya
(3) berbasikal di sekitaran bloknya
(4) berbasikal dengan kawan baiknya ()
5. Samat diteman ke hospital dengan ambulans oleh _____.
(1) Razak
(2) ibunya
(3) seorang pemuda
(4) kawan-kawannya ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (2)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Encik Maidin seorang India Muslim. Dia mempunyai tiga buah kedai makan bersebelahan yang menjual makanan masakan India Muslim, Melayu dan Barat . Kedai-kedainya ini terletak di Simpang Bedok. Encik. Maidin mempunyai lebih daripada 30 orang pekerja. Tiap-tiap kedai makannya ada 3 orang tukang masak. Kebanyakan daripada pekerjaanya ialah pelayan pelanggan atau pembantu. Tiga orang yang dia percayai ditugaskan sebagai juruwang.

Kedai-kedai makan Encik Maidin dibuka pada setiap hari. Dia akan mula berniaga dari pukul 6.30 pagi dan tutup pada pukul 3.00 pagi. Pada hari Sabtu dan hari sebelum hari cuti, kedai-kedainya dibuka selama 24 jam.

Walaupun ada beberapa buah kedai makan lain di situ, kebanyakan pelanggan yang pergi makan di situ akan pergi ke kedai-kedai makan Encik Maidin. Encik Maidin namakan ketiga-tiga kedai makannya itu Restoran Mamak Maidin.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Encik Maidin adalah seorang penjaja yang ada _____.
 (1) sebuah kedai makan
 (2) sebuah pusat penjaja
 (3) tiga buah kedai makanan
 (4) gerai makanan masakan India Muslim ()

2. Kedai-kedai makan Encik Maidin terletak di _____.
 (1) Simpang Bedok
 (2) barat Singapura
 (3) Kampong Melayu
 (4) Jalan India Muslim ()

3. Di tiap-tiap kedai Encik Maidin ada 3 orang _____.
 (1) juruwang
 (2) pembersih
 (3) pembantu
 (4) tukang masak ()

4. Kebanyakan pekerja di kedai-kedai makannya ialah _____.
 (1) pembantu dan pelayan
 (2) pembantu dan juruwang
 (3) tukang masak dan pelayan
 (4) tukang masak dan juruwang ()

5. Pada hari-hari cuti Restoran Mamak Maidin dibuka _____.
 (1) 24 jam
 (1) dari pagi hingga petang
 (3) dari pukul 6.30 pagi hingga 3.00 pagi
 (4) dari pukul 6.30 pagi hingga 3.00 petang ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (3)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada hari itu, Mamat tidak dapat pulang seperti biasa. Dia terpaksa ikut kelas tambahan yang diadakan oleh guru Matematiknya. Guru Matematiknya adakan kelas tambahan itu kerana esoknya ada peperiksaan kertas Matematik. Mamat ingin beritahu ibunya tentang perkara itu. Dia tidak mahu ibunya bimbang kerana pulang lambat. Mamat pergi ke telefon awam di kantin sekolah. Telefon awam di kantin itu rosak. Dia tidak tahu bagaimana hendak beritahu ibunya.

Mamat mengadu kepada guru matematiknya. Guru matematik tersenyum lalu tolong Mamat menelefonkan ibunya. Mamat berasa lega kerana dibantu oleh gurunya. Dengan segera Mamat pergi ke kantin kerana perutnya lapar.

Selepas dia alas perut, mamat pergi berehat di perpustakaan untuk baca buku sementara menunggu waktu kelas tambahannya. Secara kebetulan kawan baiknya, Hamid, juga sedang membaca buku di situ. Mereka duduk bersama sambil berbual dengan perlahan.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Mamat tidak boleh pulang seperti biasa kerana dia _____.
(1) ada kelas tambahan
(2) hendak makan di kantin
(3) hendak membaca buku
(4) hendak berbual dengan Hamdi ()
2. Mamat hendak gunakan telefon untuk _____.
(1) bantu gurunya
(2) beritahu ibunya sesuatu
(3) minta kebenaran ibunya
(4) berbual dengan kawannya ()
3. Jika Mamat lambat pulang dari sekolah ibunya akan _____.
(1) berasa bimbang
(2) menelefon Mamat
(3) menelefon guru Mamat
(4) tanya kawannya, Hamdi ()
4. Mamat dapat menelefon ibunya dengan bantuan _____.
(1) Hamid
(2) guru darjahnya
(3) guru matematikanya
(4) telefon di pejabat sekolah ()
5. Setelah Mamat beritahu ibunya dia pulang lambat, dia _____.
(1) pergi makan di kantin
(2) pergi ke perpustakaan
(3) berbual dengan Hamid
(4) berjumpa guru matematikanya ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (4)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Adik-beradik Nora tiga orang. Nora ada seorang abang dan seorang adik perempuan. Abangnya menuntut di sebuah politeknik di Woodlands. Adiknya, Maria, berumur 5 tahun dan belajar di sebuah tadika di kolong blok mereka. Nora berusia 11 tahun dan menuntut dalam darjah 6 di Sekolah Rendah Murni. Mereka lima beranak tinggal di sebuah rumah pangsa lima bilik di Sembawang. Ayah Nora, Encik Mazlan, seorang pegawai bank. Ibunya pula seorang guru sekolah rendah. Kebanyakan kerja rumah dilakukan oleh seorang pembantu rumah.

Pada hujung minggu, jika ayahnya tidak bekerja, mereka sekeluarga akan membuat kerja-kerja rumah bersama pembantu rumah mereka itu. Nora tiga beradik juga turut membantu.

Sebulan sekali, pada hujung bulan, Encik Mazlan akan bawa keluarganya ziarah nenek dan datuk Nora yang tinggal di sebuah kampung di Muar, Johor. Nora lihat bahawa hidup di kampung tidak sama di Singapura. Di sana lebih aman dan tidak begitu sibuk seperti di Singapura.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Nora ialah anak _____.
(1) sulung Encik Mazlan
(2) kedua Encik Mazlan
(3) bongsu Encik Mazlan
(4) pertama encik Mazlan ()

2. Adik Nora yang bernama Maria, belajar di _____.
(1) tadika di Woodlands
(2) tadika di Sembawang
(3) sekolah rendah di Woodlands
(4) sekolah rendah di Sembawang ()

3. Ayah Nora bertugas sebagai seorang _____.
(1) penjaga bank
(2) pengurus bank
(3) pegawai bank
(4) tuan punya bank ()

4. Kebanyakan kerja di rumahnya dilakukan oleh _____.
(1) ibu Nora
(2) Encik Mazlan
(3) Nora tiga beradik
(4) seorang pembantu rumah ()

5. Pada masa tidak bersekolah, keluarga Nora akan _____.
(1) berehat-rehat di rumah
(2) bergotong-royong di rumah
(3) ziarah datuk dan nenek Nora
(4) menziarah nenek dan datuk di kampung ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (5)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Pada minggu depan, guru Bahasa Melayu kami, Cikgu Bakri, akan adakan peraduan mengarang untuk murid-murid Darjah 5 dan 6. Tajuk-tajuk karangan yang telah ditetapkan ialah "Pakaian Tradisional Orang Melayu" dan "Permainan Tradisional Orang Melayu". Murid-murid perlu memilih satu sahaja daripada tajuk-tajuk yang diberi itu. Mereka digalakkan membaca buku-buku supaya lebih tahu tentang tajuk-tajuk ini. Seminggu sebelum peraduan bercerita itu diadakan, Cikgu Bakri telah bawa murid-muridnya itu ke perpustakaan untuk memilih dan meminjam buku-buku berkenaan.

Pada hari peraduan di sekolah kami itu, murid-murid tidak dibenarkan bawa buku-buku dan kertas atau lain-lain. Mereka cuma boleh bawa alat tulis-menulis sahaja. Kertas untuk mereka tulis karangan akan disediakan oleh Cikgu Bakri. Cikgu Bakri berkata tiga orang murid yang menang peraduan itu akan menerima hadiah daripada sekolah dan mewakili sekolah kami dalam suatu peraduan mengarang antara sekolah-sekolah rendah.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Peraduan mengarang itu diadakan untuk _____.
 - (1) murid-murid Darjah 5 dan 6
 - (2) murid-murid Darjah 5 sahaja
 - (3) murid-murid Darjah 6 sahaja
 - (4) murid-murid semua darjah di sekolah itu ()

2. Untuk dapatkan bahan, murid-murid digalakkan _____.
 - (1) bertanya Cikgu Bakri
 - (2) cari di akhbar-akhbar
 - (3) membaca buku-buku
 - (4) berbincang dengan kawan-kawan ()

3. Cikgu Bakri bawa murid-muridnya ke _____.
 - (1) pejabat sekolah
 - (2) sekolah rendah lain
 - (3) perpustakaan sekolah
 - (4) peraduan di sekolah lain ()

4. Pada hari peraduan di sekolah itu, murid-murid dibenarkan bawa _____.
 - (1) buku-buku dan kertas
 - (2) alat tulis-menulis sahaja
 - (3) kertas yang sudah ada tulisan-tulisan
 - (4) bahan-bahan yang boleh bantu mereka ()

5. Murid-murid yang akan menang hadiah seramai _____.
 - (1) seorang
 - (2) dua orang
 - (3) tiga orang
 - (4) lima orang ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (6)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Encik Hashim larang kedua-dua orang anak lelakinya Murad berumur 10 tahun dan Anuar berumur 9 tahun bermain di kolong blok mereka. Murad dan Anuar juga dilarang bermain di sekitaran estet perumahan mereka itu. Encik Hashim berbuat demikian kerana banyak kes rosakkan harta benda atau vandalisme telah berlaku di estet perumahan itu.

Sejak 3 bulan yang lalu, lebih daripada 5 orang budak nakal telah ditangkap polis kerana merosakkan harta benda orang ramai di situ. Budak-budak ini telah menconteng dan mengotorkan tembok-tembok di kolong blok, membakar himpunan surat khabar dan kadkod yang dikumpulkan di koridor, mencuri basikal yang ditinggalkan di kolong blok dan lain-lain perbuatan yang salah selain daripada bermain bola dan basikal di kolong blok dan menjerit-jerit serta membuat bising dan mengganggu orang lain.

Murad dan Anuar dijaga dengan rapi oleh ibu bapa mereka. Ibu mereka akan teman mereka pergi ke sekolah dan pulang ke rumah. Selepas pulang dari sekolah, mereka akan belajar dan selesaikan kerja rumah mereka, membaca buku, menonton televisyen atau bermain permainan komputer yang dibeli oleh ibu bapa mereka di rumah. Kedua-dua beradik ini juga rajin membantu ibu mereka buat kerja-kerja di rumah.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Murad dan adiknya tidak main di kolong blok kerana _____.
 (1) tempat itu berbahaya
 (2) tidak suka bermain di situ
 (3) dilarang oleh ayah mereka
 (4) mereka hendak buat kerja rumah ()

2. Anak-anaknya tidak bermain di kolong blok itu kerana _____.
 (1) anak-anaknya suka rosakkan harta benda
 (2) ada banyak basikal yang diletakkan di situ
 (3) orang ramai tidak dibenarkan berada di situ
 (4) banyak kes merosakkan harta benda berlaku di situ ()

3. Anak-anaknya pergi dan pulang sekolah dengan _____.
 (1) ibu mereka
 (2) ayah mereka
 (3) ibu bapa mereka
 (4) kawan-kawan mereka ()

4. Beberapa orang budak ditangkap kerana _____.
 (1) bermain di kolong blok
 (2) berkumpul di kolong blok
 (3) melanggar undang-undang
 (4) bergaduh antara satu sama lain ()

5. Di rumah, anak-anaknya rajin membantu ibu mereka _____.
 (1) memasak di dapur
 (2) buat kerja di rumah
 (3) menonton televisyen
 (4) bermain permainan komputer ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (7)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Suraya murid darjah dua dan berumur 8 tahun. Dia bersekolah di Sekolah Rendah Bukit Aman. Suraya seorang murid yang pandai dan rajin belajar. Dia selalu menolong ibunya buat kerja di rumah.

Walaupun Suraya masih kecil, dia sudah pandai masak mi Maggi. Suraya tahu ibunya sibuk buat kerja rumah dan menjaga adik kecilnya yang masih bayi lagi. Kadang-kadang ibunya tidak sempat untuk masak kerana menjaga adik Suraya yang kecil itu. Selepas pulang dari sekolah, Suraya akan masak mi Maggi dengan sendiri untuk makan tengah hari.

Suraya dan keluarganya tinggal di sebuah rumah pangsa 5 bilik di Jalan Sultan. Neneknya yang tinggal bersama mereka sudah berusia 60 tahun dan tidak kuat bekerja. Datuk Suraya pula telah meninggalkan dunia 3 tahun yang lalu.

Suraya sangat sayang neneknya itu. Neneknya bekas seorang guru dan selalu pimpin Suraya belajar pelajaran sekolahnya selepas makan malam. Kadang-kadang neneknya akan bercerita tentang kisah-kisah semasa ayah Suraya masih kecil. Suraya sangat suka dengar cerita-cerita neneknya itu.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Suraya belajar di sebuah _____.
 1. tadika
 2. sekolah rendah
 3. sekolah kampung
 4. sekolah menengah ()

2. Adik Suraya itu _____.
 1. masih bayi
 2. berumur setahun
 3. berumur 2 tahun
 4. berumur 8 tahun ()

3. Nenek Suraya tidak kuat bekerja kerana _____.
 1. sudah tua
 2. selalu sakit
 3. tubuhnya cacat
 4. datuk Suraya sudah meninggal dunia ()

4. Jika ibunya tidak sempat masak, Suraya akan makan mi Maggi yang _____.
 1. ibunya siapkan
 2. dimasaknya sendiri
 3. dibeli di gerai makanan
 4. dimasak oleh neneknya ()

5. Suraya suka dengar cerita tentang kisah-kisah _____.
 1. suraya masih kecil
 2. ibunya masih kecil
 3. ayahnya masih kecil
 4. neneknya masih kecil ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (8)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Sani dan adiknya, Saniah, baru pulang dari sekolah. Mereka baru keluar daripada lif di tingkat 8 untuk pulang ke rumah mereka di hujung koridor itu. Semasa dia berjalan di koridor itu, Sani ternampak seorang lelaki yang tidak dikenalnya sedang mengumpul pintu sebuah flat di sebelah rumahnya di hujung koridor itu. Rumah yang pemuda itu sedang mengumpul pintu itu adalah rumah jiran Sani. Sani syak pemuda itu berniat jahat. Dia gunakan telefon bimbitnya untuk menelefon '999'. Sani memberikan alamat rumah tempat kejadian itu berlaku.

Tidak lama kemudian, tiga orang pegawai polis tiba di situ. Dengan tidak berlengah, Sani berkata, "Orang itu sudah masuk ke dalam rumah itu, encik." Sani tunjukkan rumah itu kepada polis.

Dua orang pegawai polis masuk ke dalam rumah itu. Seorang lagi mengawal di pintu. Pegawai-pegawai polis itu berjaya menangkap pemuda itu.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Sani dan adiknya berada di koridor blok itu untuk _____.
 (1) menelefon polis
 (2) pergi ke sekolah
 (3) pulang ke rumah mereka
 (4) menangkap seorang pencuri ()

2. Mereka nampak seorang lelaki sedang _____.
 (1) mengunci pintu rumahnya
 (2) membuka pintu sebuah rumah
 (3) mengawal pintu sebuah rumah
 (4) mengumpul pintu sebuah rumah ()

3. Sani syak pemuda itu berniat buruk kerana _____.
 (1) dia kenal pemuda itu
 (2) rumah itu rumah jirannya
 (3) pemuda itu bersembunyi di belakang tembok
 (4) pemuda itu berjaya masuk ke dalam rumah itu ()

4. Sebaik sahaja pegawai-pegawai polis itu tiba, _____.
 (1) Sani bersembunyi di belakang tembok
 (2) polis mengucapkan terima kasih kepada Sani
 (3) Sani memberitahu polis apa yang telah berlaku
 (4) Sani dan pegawai-pegawai polis itu pergi menangkap lelaki itu ()

5. Apakah jasa Sani pada hari itu?
 (1) Dia telah menelefon polis.
 (2) Dia telah menangkap seorang pencuri.
 (3) Dia telah membantu menjaga keamanan.
 (4) Dia telah menggari tangan seorang pencuri. ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (9)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Roslan dan kawan-kawan sedarjahnya beratur berdua-dua di luar bilik darjah mereka. Cikgu Asmah akan bawa murid-muridnya itu ke makmal komputer untuk pelajaran Karangan. Makmal komputer itu terletak di sebelah bilik muzik.

Sebelum pergi, Cikgu Asmah pesan mereka supaya berdisiplin semasa berada di dalam makmal komputer itu. Dia mahu murid-muridnya ikut arahannya dengan baik. Di dalam Makmal Komputer, Roslan dan kawan-kawan sedarjahnya duduk dengan diam sambil mendengar arahan guru mereka. Pada pagi itu Roslan dan kawan-kawan sedarjahnya sangat berpuas hati dengan pelajaran Cikgu Asmah yang menarik itu. Mereka faham dan dapat ikut pelajaran dengan mudah. Cikgu Asmah berasa senang melihat murid-muridnya belajar dengan tekun.

Pada akhir pelajaran, ketua darjah Roslan meminta Cikgu Asmah membawa mereka untuk pelajaran-pelajaran lain di makmal itu.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Roslan dan kawan-kawan sedarjahnya beratur di _____.
 1. luar makmal komputer
 2. luar bilik darjah mereka
 3. dalam makmal komputer
 4. dalam bilik darjah mereka ()

2. Cikgu Asmah hendak bawa kelasnya pergi ke _____.
 1. bilik muzik
 2. makmal komputer
 3. bilik darjah mereka
 4. perpustakaan sekolah ()

3. Di makmal komputer, mereka dikehendaki _____.
 1. duduk diam
 2. duduk sesuka hati
 3. bermain komputer
 4. mengikut arahan guru ()

4. Roslan dan kawan-kawan sedarjah adalah _____.
 1. murid-murid yang degil
 2. murid-murid yang nakal
 3. murid-murid yang dengar kata
 4. murid-murid yang tidak dengar kata ()

5. Roslan dan kawan-kawan sedarjah _____.
 1. suka belajar di makmal komputer
 2. jemu belajar di makmal komputer
 3. bersuka-suka di makmal komputer
 4. enggan belajar di makmal komputer ()

KEFAHAMAN OBJEKTIF (10)

ARAHAN: Baca dengan teliti petikan karangan di bawah ini.

Encik Jamil dan Cik Juli selalu bawa anak-anak mereka bersiar-siar di Taman Selasih. Taman itu dekat dengan rumah mereka di Tampines. Biasanya mereka akan pergi pada pagi hari Ahad. Mereka perlu berjalan kaki sahaja ke taman itu. Di sana, mereka akan berjalan-jalan mengelilingi taman itu untuk menikmati keadaan yang cantik dan suasana yang nyaman. Cik Juli akan menolak anaknya yang masih bayi dan berumur setahun di dalam sebuah kereta sorong bayi. Anak lelaki mereka, Ramlan, pula akan berjalan dan berlari-lari kesukaan.

Mereka tidak lupa juga ke tempat permainan kanak-kanak. Ramlan sangat suka bermain buaian dan jongkang-jongket. Dia akan ditemani oleh ayahnya semasa bermain. Setelah puas Ramlan bermain-main, mereka akan pergi ke sebuah kolam di taman itu. Di kolam itu mereka dapat melihat pelbagai jenis ikan berenang di dalam air yang jernih. Mereka juga dapat lihat beberapa ekor itik dan angsa di kolam itu. Selain daripada itu, kolam itu dihias dengan pokok-bunga di dalam dan kelilingnya.

ARAHAN: Jawab soalan-soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung () yang disediakan.

1. Encik Jamil dan keluarganya selalu bersiar-siar di _____.
 1. Taman Kalam
 2. Taman Selasih
 3. Kampung selasih
 4. Taman Tampinese ()
2. Taman itu _____.
 1. jauh dari rumah mereka
 2. di tengah sebuah kolam
 3. dekat dengan rumah mereka
 4. dekat dengan sebuah kolam ikan ()
3. Mereka pergi ke sana dengan _____.
 1. berjalan kaki
 2. menaiki kereta
 3. menaiki kereta sorong bayi
 4. berjalan-jalan dan berlari-lari ()
4. Bayi mereka berada dalam kereta sorong kerana _____.
 1. masih kecil
 2. berasa takut
 3. belum tahu berjalan
 4. tidak mahu berjaslan ()
5. Mereka dapat lihat ikan-ikan dalam kolam itu kerana _____.
 1. airnya jernih
 2. airnya cetek
 3. airnya cantik
 4. airnya dalam ()